

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS JUSI [BATU PAHAT]

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN : Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang telah dijalankan untuk membasmi kemiskinan di kalangan nelayan tradisional. Mengapakah langkah-langkah tersebut masih belum berjaya menyelesaikan masalah kemiskinan nelayan tradisional.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sangat prihatin terhadap nasib golongan nelayan terutamanya nelayan tradisional yang secara puratanya bekerja menangkap ikan di sekitar 5 batu nautika dari pantai.

Antara program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk meningkatkan taraf sosioekonomi dan kesejahteraan golongan nelayan adalah seperti berikut:

Bil.	Program	Penerima Faedah
1.	Azam Tani	2,400
2.	Baik Pulih Rumah Nelayan di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan	15,547
3.	Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan	35,454
4.	Elaun Sara Hidup	50,451
5.	Insentif Hasil Tangkapan Ikan	37123

Di samping itu, LKIM juga telah melaksanakan program melatih nelayan muda dan anak-anak nelayan bagi meningkatkan kemahiran mereka melalui kerjasama Pusat Giat MARA. Dua buah Pusat Giat MARA telah ditubuhkan oleh LKIM di kawasan nelayan iaitu:

- (i) Pusat Giat MARA Tanjung Dawai, Kedah; dan
- (ii) Pusat Giat MARA Kuala Muda, Penaga, Pulau Pinang.

Sehingga kini, seramai 422 pelatih yang terdiri daripada belia nelayan telah mengikuti pelbagai kursus kemahiran di kedua-dua pusat tersebut. Kursus yang diikuti ialah:

- (i) Kursus pemberian Enjin Marin;
- (ii) Kursus *Fibre Glass* dan Teknologi Komposit; dan
- (iii) Kursus Mekanik Enjin Motor (Automotif).

Kursus yang dijalankan selama 6 bulan ini mampu meningkatkan kemahiran belia nelayan seterusnya dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada belia-belia ini.

Kebiasaan bantuan kepada kumpulan sasar dibuat melalui senarai nama yang terdapat di dalam senarai jabatan/ agensi Kerajaan seperti e-Kasih. Namun sekiranya nelayan tradisi tidak berdaftar dalam senarai ini boleh mengakibatkan mereka tercicir untuk menerima bantuan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia pula menggalakan nelayan tradisional bertukar ke bidang perikanan tangkapan yang lebih menguntungkan untuk meningkatkan pendapatan mereka seperti mencebur perikanan laut dalam. Jabatan Perikanan telah menyediakan program-program latihan untuk melatih nelayan pantai dari aspek latihan pelayaran, mempromosikan teknologi peralatan menangkap ikan mesra sumber dan memperbaiki enjin. Latihan kepada nelayan telah bermula sejak tahun 2001 dan sehingga kini seramai 1,791 nelayan telah mengikuti pelbagai kursus anjuran Jabatan Perikanan Malaysia.

Selain itu, galakan juga diberikan kepada nelayan tradisional mencebur bidang akuakultur marin dan industri hiliran sebagai usaha mempelbagaikan dan meningkatkan pendapatan nelayan. Bantuan dan galakan yang disediakan melalui Jabatan Perikanan Malaysia ke arah membantu dan membangunkan industri serta usahawan ternakan adalah seperti berikut:

(i) Pemberian di Hatchery/ Pusat Asuhan

Bagi menyokong industri akuakultur air tawar dan marin terdapat 7 buah pusat pembenihan ikan dan udang di seluruh Malaysia yang

menjalankan aktiviti pengeluaran benih dan latihan.

(ii) Khidmat Nasihat dan Bantuan Teknikal

Khidmat nasihat dan bantuan teknikal diberikan secara percuma dan meliputi kajian kesesuaian tapak, analisa mutu air dan tanah serta uji kaji ancaman penyakit ikan.

(iii) Latihan

Pelbagai latihan disediakan dalam bidang akuakultur untuk memindahkan teknologi dan amalan baik akuakultur. Latihan diberikan dalam bentuk:

(a) Latihan Sangkut

Penerapan teknologi secara lebih dekat dijalankan di Pusat Pengembangan Akuakultur dan Pusat Penyelidikan Jabatan Perikanan Malaysia yang melibatkan tempoh satu pusingan ternakan atau tempoh yang sesuai.

(b) Latihan/ Seminar/ Bengkel

Program latihan dan kursus ditawarkan kepada penternak dan bakal pengusaha secara percuma di pusat-pusat pengembangan akuakultur.

(c) Projek Inkubator

Pengusaha yang berminat menceburi bidang akuakultur diberi peluang menggunakan kemudahan akuakultur di Pusat-Pusat Inkubator Jabatan Perikanan Malaysia untuk menjalankan projek akuakultur sebelum pengusaha membangunkan kemudahan sendiri. Kemudahan ‘hands on’ disediakan kepada pengusaha yang ingin memulakan projek pengeluaran dan asuhan benih ikan/ udang.

(iv) Pemindahan Teknologi Akuakultur

Penganjuran kursus ternakan ikan secara percuma kepada individu yang berminat merangkumi teknik pembiakan, pemasaran dan analisa ekonomi.

(vi) Bantuan Peralatan, Benih dan Makanan

Penternak kecil akan diberi bantuan pinjam/sewa peralatan atau bekalan pukat berdasarkan kepada permintaan dan bekalan sedia ada. Selain itu, benih ikan atau udang diberikan secara percuma kepada